

KUALA LUMPUR,
Selasa — Kecekapan
jentera pentadbiran
UMNO Malaysia serta
pejabat-pejabat Per-
hubungan UMNO Ne-
geri dan Bahagian
akan dipertingkatkan
m e n e r u s i
penyemakan yang
sedang berjalan
sekarang.

Usaha ini bertujuan
membolehkan jentera
UMNO di semua per-
ingkat menghadapi
sebarang kemungkinan
termasuk proses
pemilihan Ketua-ketua
Bahagian tahun depan
serta pilihanraya umum
di tahun-tahun akan da-
tang.

Demikian ditegaskan
oleh Timbalan Perdana
Menteri, Datuk Musa Hi-
tam setelah membuat la-
watan yang disifatkan-
nya sebagai simbolik dan
sentimental ke Ibupe-
jabat UMNO Malaysia, di
sini petang tadi.

Kenyataan Datuk
Musa ini menimbulkan
spekulasi mungkinlah
pilihanraya umum akan
diadakan sebaik saja
proses pemilihan Ketua-
ketua UMNO Bahagian
dan Perhimpunan Agung
UMNO berakhir per-
tengahan tahun depan.

Jentera pentadbiran UMNO akan diperkemas — Musa

Oleh **RUHANIE HAJI AHMAD**

Menurut Datuk Musa,
pentadbiran Ibupejabat
UMNO sekarang
memang boleh dibang-
gakan sekiranya diband-
ing dengan jentera pen-
tadbiran parti-parti lain
di negara ini.

Dan sebagai seorang
yang sering merantau ke
seluruh dunia, katanya,
beliau mendapati pentad-
biran UMNO memang
membanggakan dan ce-
kap.

Tetapi, memand-
angkan kepada perk-
ara-perkara yang akan
berlaku di tahun-tahun
akan datang, kami
berpendapat adalah lebih
elok susunan pentad-
biran dan jentera UMNO

sekarang di peringkat
kecekapannya.

"Di antara perkara-
perkara yang akan
berlaku secara segera
termasuklah pemilihan
ketua-ketua bahagian ta-
hun hadapan dan pilihan-
raya umum.

"Bila saya kata pili-
hanraya, ini tidak
bermakna saya tahu
bilakah sebenarnya pili-
hanraya umum akan
diadakan. Dan dalam
konteks ini juga tidak
bermakna UMNO
menganggap pilihanraya
sebagai satu masalah
besar kerana UMNO sen-
tiasa berjaya
menghadapinya dengan
berkesan.

"Bagaimanapun,
UMNO sentiasa
menyediakan segala jen-
teranya bagi
menyesuaikan cara dan
tindakannya dengan situ-
asi dan masa serta
dengan tahap pemikiran
pengundi dan cara
berkempen yang kian so-
phisticated," katanya.

Oleh itu, tegas Datuk
Musa, bila UMNO mem-
perkatakan peralihan
pilihannya, ini tidak
bermakna UMNO takut
menghadapi pilihannya.

Sebaliknya, UMNO
berbuat demikian agar
seliap jentera pentad-
birannya dapat disu-
uaikan dengan segala
perkembangan dari segi
berkempen, kehendak
pengundi dan masa.

Timbalan Perdana
Menteri selanjutnya
menegaskan, satu lagi
keutamaan UMNO
Malaysia kali ini ialah
mengenali cara
pemilihan Ketua-ketua
Bahagian tahun depan.

Untuk mengelakkan
sebarang kekecohan,
terutama sekali dari segi
perjalanan pemilihan
atau sama ada per-
membayar yuran, Per-
hubungan UMNO Negeri
dikehendakki menghantar
wakilnya untuk
memerhati serta
mengawasi perjalanan
setiap pemilihan
pegawai UMNO.

Kata Datuk Musa,
kehadiran wakil Per-
hubungan Negeri akan
membolehkan setiap
masalah yang mungkin
timbul di mesyuarat
Bahagian itu disu-
lesaikan secara terus
menerus.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia